

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH :
SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini peratusan bayi yang diberi secara penuh mengikut jadual pemvaksinan Kementerian serta berapa statistik kes penyakit kawalan vaksin yang telah menular semula di Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan jadual imunisasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), seorang kanak-kanak berumur 12 bulan seharusnya telah mendapatkan imunisasi BCG, suntikan lengkap 3-dos suntikan hepatitis B dan 3-dos vaksin tiga-serangkai, serta suntikan vaksin kombinasi measles. Kesemua dos *prime* ini perlu bagi memastikan perlindungan optima kesan dari pemberian imunisasi ini.

Pada tahun 2015, daripada sejumlah 523,200 orang kanak-kanak yang dianggarkan lahir di Malaysia, seramai 486,917 orang atau 93.07% telah mendapat imunisasi sehingga suntikan vaksin kombinasi measles pada umur 12 bulan. Ia menurun sedikit berbanding dengan liputan imunisasi measles pada tahun 2014, iaitu 94.02% ataupun 478,755 dari 509,200 orang kanak-kanak.

Bilangan kes measles atau demam campak pula meningkat pada tahun 2015 berbanding dengan tahun 2014, iaitu masing-masing 1,318 dan 221 kes. Dari jumlah 1,318 kes ini, seramai 515 orang atau 39% tidak mempunyai sejarah telah atau pernah menerima imunisasi measles. Lebih 95% mereka ini berumur dalam lingkungan 1 tahun sehingga 32 tahun.